

Headline	Sunway REIT mula tinjau pasaran luar negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Oct 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Color	Full Color
Page No	24	ArticleSize	321 cm ²
Journalist	N/A	PR Value	RM 31,887



Sunway REIT mula tinjau pasaran luar negara



Ng bersama Ketua Pegawai Kewangan Sunway REIT Management Sdn Bhd, Irene Sin selepas Mesyuarat Agung Tahunan Sunway REIT di Subang Jaya, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) meninjau pasaran luar negara dalam rancangan mempelbagaikan pasaran hartanahnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn Bhd, Datuk Jeffrey Ng, berkata ia adalah sebahagian daripada sasaran jangka pertengahan kumpulan menerusi inisiatif Transcend 2025 (TC25).

Sunway REIT Management adalah pengurus Sunway REIT.

Beliau berkata, kumpulan ber-cadang menjadi peneraju industri, dengan berada di kedudukan tiga teratas bagi pasaran REIT tempatan.

"Industri hartanah tempatan agak mencabar dan kami ingin mempelbagaikan, selain meningkatkan pendapatan kumpulan dengan merancang meninjau pasaran luar negara.

"Beberapa negara kini berpotensi untuk diteroka dalam pasaran hartanah, sebagai contoh

United Kingdom dan Jepun, tetapi perlu dikaji secara mendalam dari setiap perkara. Kami tidak mahu pelaburan yang dijalankan tidak mendatangkan hasil, sekali gus tidak mampu memberi agihan seunit yang tinggi kepada pelabur.

"Selain itu, melalui TC25 juga kami menyasarkan kumpulan dapat meningkatkan nilai hartanah kepada RM13 bilion hingga RM15 bilion menjelang 2025, berbanding RM8.05 bilion ketika ini, melalui pelbagai strategi dirancang.

"Pulangan purata dalam tempoh lima tahun juga dijangka berada pada kadar lapan hingga 12 peratus, selain kadar pertumbuhan kompaun tahunan agihan seunit pula pada tiga hingga lima peratus," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Sunway REIT di Subang Jaya, semalam.

Ng berkata, kumpulan akan memperluaskan pelaburan ke subsektor pertumbuhan yang pesat untuk mempelbagaikan por-

tfolio asetnya.

Beliau berkata, Sunway REIT juga meneroka pengambilalihan hartanah berpotensi, pembangunan semula, pemulihan dan pelupusan.

"Kumpulan turut mencari peluang penggabungan dan pengambilalihan, selain meneroka peluang pelaburan bukan tradisional.

"Pelaburan ke subsektor yang sedang berkembang juga dilihat bakal memajukan lagi REIT seperti memasuki pasaran e-dagang untuk penyediaan gudang dan juga logistik," katanya.

Bagi tahun kewangan 2019, Sunway REIT mencatatkan perolehan sebanyak RM590 juta, meningkat sebanyak 3.5 peratus berbanding tahun kewangan sebelumnya dengan pendapatan bersih hartanah sebanyak RM440 juta.

Agihan seunit Sunway REIT juga meningkat kepada 9.59 sen berbanding 9.57 sen.